

Keng Yaik tidak akan melepaskan jawatan tahun ini

UM 28 SEP 2001

KUALA LUMPUR 27 Sept. — Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik tidak akan melepaskan jawatannya dalam kabinet tahun ini kerana tidak direstui oleh Jawatankuasa Pusat (CC) parti itu walaupun pernah berjanji tahun lepas untuk berbuat demikian.

Dr. Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, CC Gerakan berpendapat beliau belum boleh bersara dan memintanya supaya tidak menimbulkan spekulasi mengenai peralihan kuasa menjelang perjumpaan tahunan perwakilan parti itu akhir minggu ini.

“Barisan kepimpinan muda telah sedia ada dan perubahan akan berlaku apabila tiba masanya tetapi saya boleh memberitahu anda bahawa perubahan tidak akan berlaku dalam masa terdekat.

“Walaupun saya secara peribadi merasakan amat sesuai bagi barisan pemimpin kedua (baru) mengambil alih dalam keadaan parti yang stabil sekarang, CC pula berpandangan sebaliknya dan menyuruh saya tutup mulut, jadi saya akan tutup mulut,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sempena Persidangan Perwakilan Kebangsaan Parti Gerakan mulai esok hingga Ahad ini, di sini hari ini.

Persidangan bertemakan ‘Bangsa Malaysia Generasi Wawasan’ akan dihadiri oleh 1,600 anggota perwakilan, dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada hari Sabtu.

Pada Oktober lalu, Dr. Lim menyatakan akan melepaskan jawatan menteri yang disandangnya pada tahun ini selaras dengan perjanjian CC.

Beliau menjelaskan tujuan rancangan peletakan jawatan itu adalah bagi membolehkannya menumpukan kepada hal ehwal parti.

Menurut Dr. Lim, ucapan dasar presiden yang bakal disampaikan dalam persidangan perwakilan kali ini menyentuh isu untuk mengekalkan cara hidup rakyat berikutan cabaran yang diberikan oleh parti pembangkang melalui penggunaan politik agama melampau.

Beliau juga akan menyentuh mengenai kelemahan ekonomi Amerika Syarikat yang dijangka memberikan kesan negatif kepada ekonomi tempatan dan cara bagi Gerakan memberi sumbangan ke arah memperkuat Barisan Nasional sebagai sebuah perikatan yang bersatu.

Mengenai pendirian Gerakan terhadap pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Dr. Lim berkata, parti itu disalah anggap oleh banyak pihak termasuk pihak media.

“Gerakan sokong ISA, kita sokong sebarang perundangan yang boleh mengelakkan rusuhan jalanan yang seterusnya boleh membawa kepada rusuhan kaum. Mungkin kita ada satu dua orang yang menyuarakan sesuatu mengenai perkara tertentu tetapi itu tidak boleh dianggap sebagai pendirian parti,” katanya.

Ditanya penarikan DAP dari pakatan pembangkang, beliau berkata, ia memang sudah dijangka sejak lama dahulu kerana pihak pembangkang bersatu hanya untuk melawan kerajaan dan merebut kepentingan parti sendiri sahaja.

“Pembangkang cuma tubuhkan barisan tiruan, palsu atau juga penipu kerana kita (BN) berada dalam satu barisan hengan objektif yang sama untuk negara, bukannya untuk kepentingan parti masing-masing,” ujarnya.